



27 APR, 2021

## Air Asia pengedar rasmi harumanis

Utusan Malaysia, Malaysia



Page 1 of 2

# AirAsia pengedar rasmi harumanis

Oleh SHAFIQAH SHUKOR  
shafiqah.shukor@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** AirAsia Farm telah bekerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Jabatan Pertanian (DOA), serta Lembaga Pemasaran Pertanian Perseautuan (FAMA) Perlis, sebagai pengedar rasmi mangga Harumanis.

AirAsia dalam satu kenyataan memberitahu, mangga yang hanya boleh didapati di Perlis itu akan tersedia secara eksklusif untuk pesanan dalam talian melalui platform e-dagang AirAsia iaitu *airasia food* dan *airasia fresh*.

"Sebagai pengedar rasmi dan platform yang menghubungkan petani dan perniagaan, AirAsia Farm menyediakan perkhidmatan sokongan menyeluruh kepada para petani."

"Matlamat jangka panjang kami adalah untuk memberikan nilai yang lebih baik dan memberi manfaat kepada lebih daripada 2,400 petani Harumanis di Perlis supaya mereka dapat menjana pendapatan yang lebih besar untuk 'tuaihan' mereka secara dalam talian,"



PENGURUS Besar AirAsia Farm (Sabah), Murain Shumuganathan bersama seorang petani harumanis di ladang harumanis di Perlis, baru-baru ini.

katanya.

Jelasnya, matlamat itu sejajar dengan objektif MAFI untuk mendorong para petani meng-

gunakan platform e-dagang bagi memasarkan produk mereka di dalam talian.

Selain inisiatif itu, katank-

ya, pihaknya turut berusaha mengedarkan mangga itu kepada peruncit-peruncit utama di Kota Kinabalu sebagai seba-

hagian daripada strateginya untuk mengukuhkan lagi saluran pengedarannya dan meningkatkan pasaran di Sabah.

Sementara itu, Pengurus Besar AirAsia Farm, Lalitha Sivanaser berkata, pihaknya mengucapkan terima kasih kepada MAFI, DOA dan FAMA serta rakan logistiknya Teleport, Foodpanda dan Tune Hotel atas sokongan mereka.

"Sejak Jun tahun lalu, kami terus memperluas usaha dan sumber untuk mengembangkan perkhidmatan e-dagang merentas sempadan terutamanya di Sabah.

"Kami turut menjalin jaringan pengedar yang kukuh dan bekerjasama dengan pengeluar dan pengusaha produk segar tempatan di seluruh Malaysia," jelasnya.

Lalitha berharap mengedarkan 10 tan mangga Harumanis pada tahun ini untuk menyokong kempen 'Harumanis Kembali Lagi' oleh kerajaan.

Harumanis adalah mangga bermusim dari Perlis yang hanya dapat dipetik setahun sekali antara April dan Jun. Tahun ini, MAFI menjangkakan hasil bernilai RM66.7 juta.



27 APR, 2021

## Air Asia pengedar rasmi harumanis

Utusan Malaysia, Malaysia



Page 2 of 2

### SUMMARIES

PETALING JAYA: AirAsia Farm telah bekerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Jabatan Pertanian (DOA), serta Lembaga Pemasaran Pertanian Perse- —'kutuan (FAMA) Perlis, sebagai pengedar rasmi mangga Harumanis. AirAsia dalam satu kenyataan memberitahu, mangga yang hanya boleh didapati di Perlis itu akan tersedia secara eksklusif untuk pesanan dalam talian melalui platform e-dagang AirAsia iaitu airasia food dan airasia fresh.